



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinit 12 - 23 Ogos 2026

Doa Hari Ini

Tuhan Allah, Anak-Mu yang mulia Penyelamat kami memberikan belakang-Nya kepada si pemukul dan tidak menutup muka-Nya daripada penghinaan; berilah kami anugerah untuk menanggung penderitaan dalam zaman ini dengan sungguh yakin dalam kemuliaan yang akan dinyatakan, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 3:16-4:1

Bacaan Responsif - Roma 8:14-19



Semakin Bertumbuh dalam Roh Kudus

SEMAKIN BERTAMBAH

“Tuhan, penuhilah aku dengan Roh-Mu, dan biarlah Roh-Mu semakin nyata dalam hidupku .”

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SAMBUTAN HANGAT

- kepada 41 orang calon yang akan ditetapkan pada hari ini;
- kepada Bisyop Kenneth Thien dan isterinya, Fui Ying. Bishop Kenneth ialah Bishop Suffragan ADOS-Barat. Beliau akan memimpin upacara Penetapan, dan kita berdoa agar Roh Kudus terus berkarya dalam kehidupan setiap calon sehingga Tuhan Yesus datang kembali.
- Kami mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengajar dan membimbing para calon. Kiranya mereka, bersama-sama dengan para saksi, akan terus mendorong para calon untuk tetap setia kepada Yesus.

2. SINOD '26

Sinod Diosis ke-34 akan bermula esok malam di Katedral All Saints, jam 7:30 malam. Semua dijemput hadir ke Ibadah Pembukaan ini. Doakan Bishop Melter, para Suffragan Bisyop, paderi dan perwakilan awam. Perwakilan kita ialah Pak Johny, Stephen Chin, Pastor Margaret, Rev. Samuel Sampe, Rev. Andriano Bronio dan Rektor.

Berdoalah agar seluruh Diosis dipimpin untuk melaksanakan tujuan Tuhan bagi Sabah dan juga di luar Sabah.

Daripada laporan kita kepada Sinod bagi tempoh Jan–Jun 2026:

- purata kehadiran ibadah mingguan : 625 orang
- purata kehadiran mingguan: kanak-kanak - 195, muda-mudi - 72
- persepuluhan dan persembahan: RM490,103
- jumlah kutipan keseluruhan (kuarters staf, dana van dan lain-lain): RM605,233

3. TAHUNIAH

Selamat menyambut ulang tahun kelahiran yang ke-94 buat Sister Margaret, pada 20 Ogos. Kami turut bersukacita dan mengucapkan syukur kepada Tuhan atas kehidupan Sister!



4. KEJOHANAN BOLA KERANJANG ANTARA GEREJA

Pasukan Anglikan "Team A" terus menunjukkan prestasi baik dan belum pernah kalah! Sungguh ini adalah kesempatan yang baik untuk berseronok dan bersekutu bersama golongan muda daripada pelbagai gereja di KK. Perlawanan akhir akan diadakan di Dewan Luyang. Semua dijemput hadir memberi sokongan!



5. **KHEMAH KANAK-KANAK ADOS-Barat** bertempat di CCL

Kami bersyukur kerana diberi kesempatan untuk menjadi tuan rumah Children Camp ini. Lebih daripada 250 kanak-kanak telah mendaftar, bersama 100 orang sukarelawan dalam pelbagai pasukan seperti penyembahan, pengajaran, dapur, keselamatan, pendaftaran dan lain-lain.

Kem ini akan berlangsung pada 31 Ogos–2 September. Doakan agar Roh Kudus berkarya dengan luar biasa dalam kehidupan anak-anak ini.

6. **ACARA KELUARGA DIOSIS**

- Latihan Pemimpin Awam (BM) Telupid, 2–4 September – setakat ini, 15 orang daripada kita telah mendaftar.
- Retret Pendoa Syafaat ADOS-Barat BM, KPS, 4–6 Oktober – pendaftaran masih dibuka.
- Retret Warga Emas, Katedral All Saints, 5–7 Oktober – lebih daripada 20 orang telah mendaftar. Pendaftaran masih dibuka.

7. **VAN GEREJA BAHARU**

Dana yang diperlukan: RM185,000. Berkumpul setakat ini: RM48,275. Kenderaan tersebut dijangka tiba minggu ini.



8. **PELAYANAN LAINNYA**

- 27 Ogos, Khamis – **Perjamuan Kudus Rumah**. Di gereja pada jam 8:00 pagi, dan kunjungan di rumah bermula jam 9:00 pagi dan seterusnya.
- 16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- 16 September, Rabu, cuti umum – **Hari Doa Malaysia**, di Katedral All Saints. Ibadah ini akan disiarkan secara langsung ke seluruh negara. Butiran lanjut akan menyusul.
- 27 September – **Festival Kuih Bulan**, bersama sekumpulan artis dari Hong Kong. Maklumat lanjut akan menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Molly Tan dan keluarga.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



‘YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS’

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Ogs 24	Luk 11	Mz 72	Jum, Ogs 28	Luk 16	Mz 76
	Sel, Ogs 25	Luk 12	Mz 73	Sab, Ogs 29	Luk 17	Mz 77
	Rab, Ogs 26	Luk 13	Mz 74	Ahd, Ogs 30	Luk 18	Mz 78
	Kha, Ogs 27	Luk 14-15	Mz 75			

“Dipenuhi oleh Roh Kudus” - renungan & perbincangan:

- Jika anda sudah ditetapkan, kongsiikan pengalaman anda itu. Di mana dan bilakah ia berlaku? Siapakah bisyop dan saksi anda? Bagaimanakah perjalanan iman anda sejak itu?
- “Hendaklah kamu penuh dengan Roh”* (Ef. 5:18). Apakah maksud penuh dengan Roh Kudus? Bagaimanakah kehidupan seseorang yang dipimpin dan dipenuhi oleh Roh Kudus? Baca Ef. 5:19–21.
- “Semua orang, yang dipimpin oleh Roh Allah, adalah anak Allah.”* (Rm. 8:14). Apakah maksud dipimpin oleh Roh Allah? Bagaimanakah kita tahu bahawa sesuatu keputusan itu selaras dengan pimpinan-Nya? Baca Rm. 8:12–13.
- 2 Kor. 3:18 mengatakan bahawa kita *“sedang diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya”*. Apakah perubahan yang Roh Kudus lakukan dalam hidup kita? Apakah bezanya dengan sekadar berusaha menjadi orang yang lebih baik?
- Dalam kehidupan seharian, apakah ertinya bagi anda untuk benar-benar dipenuhi, dipimpin dan diubah oleh Roh Kudus? Apakah satu perkara dalam hidup anda yang masih sukar untuk diserahkan sepenuhnya kepada -Nya?

“Peliharakanlah, ya Tuhan, anak-anak-Mu ini dengan anugerah-Mu; supaya mereka akan hidup sebagai milik-Mu selama-lamanya dan semakin bertambah di dalam Roh Kudus-Mu, sampai mereka datang kepada Kerajaan-Mu yang kekal. Amin.”

- Jemaat Cina: Lee Yuk Fatt, Lim Pae Peter, Low Hon Peh, Mano Chee Wan Ho, Pang Sun Nyee, Wong Vui Chin, Yong Seng Hean, Yong Shien Ping
- Jemaat Inggeris: Alicia Sin Li En, Alyssa Lee Yung En, Charlotte Liew Zi Yu, Chloe Wong Xin Yi, Christine Shane Ong, Foo Qi Qi, Gerard Chong Yao Ming, Kazan Mosios, Matthew Eamonn Maxentius Donyusius, Tovud Mosios
- Jemaat BM: Adzachary Trabys Douglas, Alyster Fedele Alvin, Ayden Jeremy Chia Wen Yi, Brayen Francisco Ruwing, Clement Chong Yu Xun, Dania Nathalia Ramli, Deylishia Diesha Anak Mulyadi, Ehjoy Haryanto Milus, Ekaterina Gloria Banun Anak Kelereen, Fabian Benytez Anak Aya, Gretchen Dizon Labra, Ho Kee San @ Angelo Ho, Ho Kee Zhe, Hunter Anak Mengga, Ivyolette Mechelle Ironfranciska, Jeremiah Jedol Dayou, John Samuel, Joshua Gregory Not, Josua Felix, Lewi Marthen Bura, Rati Silambi, Roy Feigerz Anak Aya, Sylvester Johnsing

Kami berterima kasih kepada semua mentor rohani yang telah mengajar, membimbing, dan mempersiapkan para calon untuk Penetapan. Doakan juga para saksi mereka, supaya terus berjalan bersama dalam perjalanan rohani mereka, dan menguatkan mereka dalam iman.